

Kerajaan nafi keluar lesen lumba anjing

KUALA LUMPUR, Ahad — Timbalan Perdana Menteri, Dato Seri Dr. Mahathir Mohamad hari ini menafikan sekeras-kerasnya bahawa Kerajaan pernah meluluskan lesen lumba anjing untuk diusahakan di negara ini.

Bellau menegaskan, "Lesen seumpama ini tidak pernah dikeluarkan oleh Jabatan Perdana Menteri dan Kabinet juga tidak pernah meluluskannya."

Semasa menjawab hujah-hujah di Perhimpunan Agung UMNO di sini, Dato Seri Dr. Mahathir mensifatkan golongan yang membuat tuduhan dan mengeluarkan fotostet palsu kononya kabinet meluluskan permohonan lesen lumba anjing itu sebagai mempunyai,

satu-satu tujuan tertentu yang mencurigakan.

Dato Seri Dr. Mahathir berkata, beliau akan meminta Menteri Dalam Negeri, Tan Sri Ghazali Shafie menyiasat siapakah yang bertanggungjawab membuat surat kelulusan palsu yang kononnya dikeluarkan oleh pihak Jabatan Perdana Menteri tanpa bertanda tangan itu.

Bellau memberitahu perwakilan, salinan fotostet surat itu telah dikembarkan bersama surat keliling yang dikeluarkan oleh Raja Nasron Ishak untuk dijadikan satu usul tergempar, di perhimpunan agung itu pada 15 September lalu.

Soal-jawab

Di saat ini, Timbalan Perdana Menteri menunjukkan surat keliling dan salinan fotostet itu lalu bertanya kepada Raja Nasron, "Sama ada benar atau tidak surat keliling ini dikeluarkan oleh saudara?"

Raja Nasron bangun menjawab, "Datuk Pengerusi, memang benar saya keluaran surat keliling itu kerana ada surat fotostet yang menggunakan kepala surat Jabatan Perdana Menteri yang mengatakan bahawa kabinet sudah meluluskan satu lesen lumba anjing."

"Perkara ini bukan perkara tidak biasa terjadi. Ada satu perkara terjadi di mana pegawai-pegawai telah menggunakan nama kabinet kononnya kabinet meluluskan pembelian alat-alat di Kementerian Pertahanan dan apabila perkara ini bongkar didapati bahawa kabinet tidak tahu sama sekali perkara itu."

"Boleh jadi ini satu perkara yang sama dan saya tidak ada apa-apa tujuan, maka saya kemukakan, bukan saya hendak memancing undi atau apa yang dikatakan kesempatan diri saya."

Dato Seri Dr. Mahathir bertanya lagi, "Apakah saudara terima salinan asalnya, ini salinan fotostet sahaja?"

Raja Nasron, "Salinan asal tidak ada, cuma fotostet saja."

Dato Seri Dr. Mahathir bertanya sekali lagi, "Siapa yang memberikan salinan fotostet ini kepada saudara?"

Raja Nasron sambil berpeluk tubuh bangun berkata, "Kalau hendak salinan asalnya, boleh didapati daripada orang Tionghua yang ada namanya di situ."

Dato Seri Dr. Mahathir membaca surat keliling Raja Nasron dan salinan fotostet surat yang dikatakan dikeluarkan oleh pihak Jabatan Perdana Menteri itu kepada perwakilan.

Kurang baik

Katanya lagi, kalaulah benar perkara itu diterima pada pagi 15 September lalu, sebagai ahli UMNO, syak kita tentu timbul tujuan orang yang menyampaikan fotostet itu.

Dato Seri Dr. Mahathir berkata, mengemukakan perkara itu sebagai satu usul dalam perhimpunan agung boleh menimbulkan spekulasi yang kurang baik kesannya kepada kerajaan, yang UMNO sebagai tulang belakangnya, dan boleh dikecam oleh musuh-musuh UMNO di masa-masa tertentu.

Bellau menyesali tindakan Raja Nasron membawa perkara itu ke perhimpunan tersebut tanpa meminta penjelasan terlebih dahulu dari menteri berkenaan.

"Sebagai Menteri Perdagangan dan Perindustrian saya bertanggungjawab terhadap perkara ini dan sebagai anggota kabinet, kalau benar perkara ini berlaku, kita akan beri kenyataan."

"Tetapi perkara ini tidak benar sama sekali, bahkan kabinet biasa mendengar tentang permintaan saumpama ini telah ditolak semasa zaman Datuk Asri di dalam kabinet," ujarnya.

Bahan asal dari Arkib
Negara Malaysia

No. Ser: 1419 - 1420

No. Per: 1090 - 1091/80